

## **BAB IV**

### **ANALISIS DAN DAPATAN**

#### **4.0 Pengenalan**

Bab ini akan menganalisis bahasa yang digunakan dalam buku komik Doraemon. Bahasa yang dikaji bukan sahaja bahasa yang berbentuk humor malah unsur-unsur gaya bahasa lain turut akan dikaji bagi mendapatkan maklumat tentang minat kanak-kanak lelaki membaca buku komik Doraemon.

Dalam bab ini juga, analisis kajian akan difokuskan kepada ciri-ciri linguistik dalam penggunaan dialog dan perlakuan sosial dalam watak-watak terutama watak Doraemon, Nobita, Shizuka, Giant dan Suneo. Sememangnya watak-watak ini sahaja yang menguasai dalam setiap perjalanan cerita Doraemon. Kebetulan watak-watak ini adalah watak kanak-kanak yang juga mewakili kanak-kanak di seluruh dunia. Oleh itu, apa sahaja yang dipertuturkan oleh watak-watak dalam buku komik Doraemon akan menjadi ikutan dan panduan setiap kanak-kanak yang membacanya.

#### **4.1 Penggunaan Bahasa Standard**

Data kajian menunjukkan kekerapan penggunaan bahasa standard dalam buku komik Doraemon. Komik Doraemon ini banyak menggunakan bahasa yang standard yang merupakan bahasa yang baik dan sempurna daripada segi pembentukan struktur ayat.

### **Ekstrak 1**

(42,70:5) Doraemon: Ruang masa di dalamnya akan **terhenti**, jadi sebarang objek yang disimpan di dalamnya akan kekal berkeadaan seperti ketika objek tersebut dimasukkan.

### **Ekstrak 2**

(40,50:5) Nobita: Aku mahu Shizuka menyaksikan kehebatan aku bermain **alat permainan** ini tanpa diganggu orang lain.

### **Ekstrak 3**

(42,57:2) Shizuka: Minta maaf, aku mahu **mengulangkaji pelajaran** di rumah Dekisugi.

### **Ekstrak 4**

(40,36:7) Giant: Tidak! Aku memang nampak dengan **nyata** kucing Misteri itu! Doraemon, apa yang patut aku lakukan?

### **Ekstrak 5**

(41,37:7) Suneo: Kita tunggu siri buku komik baru yang akan **dipaparkan** pada awal tahun nanti.

Ekstrak 1 hingga 5 menunjukkan kesemua watak yang didapati dalam buku komik menggunakan bentuk bahasa yang standard. Didapati watak utama seperti Doraemon, Nobita, Giant, Suneo dan Shizuka sering menggunakan dialog standard dan secara tidak langsung mengekalkan penggunaan bahasa yang formal. Ini bertentangan dengan pertuturan sehari-hari yang lebih kepada bahasa vernakular. Sebagai contoh, sekiranya ungkapan dialog Giant dalam (40,36:7), “Tidak! Aku memang nampak dengan **nyata** kucing misteri itu! Doraemon, apa yang patut aku lakukan?” diungkapkan dalam suasana sebenar masyarakat Melayu, ia boleh dianggap sebagai sesuatu yang janggal

kerana dalam perbualan, penutur sering menggunakan ayat yang ringkas, pendek dan tatabahasa yang kurang sempurna. Misalnya, ungkapan “nyata” mungkin tidak digunakan dan sebaliknya perkataan “jelas” sering digunakan.

Ayat standard bermaksud ayat yang baik dari segi struktur bahasa dan tatabahasanya. Ayat seperti ini kerap digunakan oleh kanak-kanak seperti ketika membaca di dalam bilik darjah. Jika bahasa dalam buku komik ini tidak standard atau tidak sempurna daripada segi tatabahasa, mungkin ia akan menjadikan kanak-kanak lemah dalam penguasaan bahasa Melayu. Bahasa yang standard dalam buku komik dapat mendorong kanak-kanak memperbaiki tahap kemahiran bahasa Melayu mereka. Ini kerana lebih banyak unsur bahasa standard dalam buku komik, maka akan bertambah pula kemahiran berbahasa seseorang kanak-kanak itu.

Contoh perkataan standard yang didapati dalam kajian ini adalah seperti yang disenaraikan dalam Jadual 4.0.

| <b>Standard</b>         | <b>Tidak standard</b> |
|-------------------------|-----------------------|
| Terhenti                | Berhenti              |
| Alat permainan          | Mainan                |
| Mengulangkaji pelajaran | Belajar               |
| Nyata                   | Jelas                 |
| Dipaparkan              | Dikeluarkan           |

Jadual 4.0 Perkataan Standard

## 4.2 Penggunaan Perkataan Pinjaman Bahasa Inggeris

Untuk penggunaan perkataan pinjaman bahasa Inggeris pula, data kajian di bawah menerangkan pengolahan ayat dalam buku komik Doraemon yang banyak meminjam perkataan dalam bahasa Inggeris (rujuk Ekstrak 6 hingga 11).

### Ekstrak 6

(40,113:5) Doraemon: Biar aku tunjukkan **eksperimen** pembuktianya agar kau mudah faham!

### Ekstrak 7

(41,154:3) Nobita: Hari ini kan dalam bulan **Februari**, pasukan **besbol profesional** pun kebiasaannya berehat pada bulan ini tau!

### Ekstrak 8

(42,126:1) Doraemon: Ia akan melaksanakan arahan dengan tepat dengan **fungsi automatik**, jadi tak perlu risau.

Dalam Ekstrak 6, perkataan **eksperimen** merupakan perkataan yang dipinjam daripada bahasa Inggeris. Perkataan dalam bahasa Melayu bagi eksperimen ialah uji kaji. Begitu juga dengan perkataan **Februari**, **besbol** dan **profesional** dalam Ekstrak 7. Sementara dalam Ekstrak 8 pula, terdapat perkataan **fungsi** dan **automatik** yang juga merupakan perkataan asal bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun perkataan **automatik**, **Februari**, **besbol** dan **profesional** tidak ada terjemahan dalam bahasa Melayu.

### **Ekstrak 9**

(43,143:9) Doraemon: Pada **helikopter** buluh itu ada nasib **frekuensi**.

### **Ekstrak 10**

(44,43:6) Nobita: Ujian **mikrofon** sekarang!

### **Ekstrak 11**

(45,21:6) Nobita: Lagi pun kau sudah berjanji akan ke kilang **robot**, biar aku berusaha belajar dengan keupayaan aku sendiri.

Dalam Ekstrak 9 hingga 11 pula, terdapat perkataan bahasa Inggeris seperti **helikopter**, **frekuensi**, **mikrofon** dan **robot** yang merupakan perkataan yang diresap masuk bersama-sama dengan kemajuan teknologi di Malaysia.

Analisis kajian mendapati bahawa sejumlah 272 perkataan pinjaman bahasa Inggeris digunakan dalam buku komik Doraemon dari siri 40 hingga siri 45 (lihat Apendiks 1). Dari sejumlah 272 perkataan tersebut, terdapat 25 perkataan bahasa Inggeris yang paling kerap digunakan dalam enam buah buku komik Doraemon siri 40 hingga siri 45 seperti yang disenaraikan dalam Jadual 4.1.

| Bil. | Perkataan Pinjaman | Perkataan Bahasa Inggeris | Kekerapan dalam Siri |
|------|--------------------|---------------------------|----------------------|
| 1    | aktiviti           | activity                  | 6                    |
| 2    | idea               | idea                      | 6                    |
| 3    | stor               | store                     | 6                    |
| 4    | telefon            | telephone                 | 6                    |
| 5    | besbol             | baseball                  | 5                    |
| 6    | helikopter         | helicopter                | 5                    |
| 7    | imej               | image                     | 5                    |
| 8    | kelas              | class                     | 5                    |
| 9    | buku komik         | comic                     | 5                    |
| 10   | mini               | mini                      | 5                    |
| 11   | minit              | minute                    | 5                    |
| 12   | objek              | object                    | 5                    |
| 13   | poket              | pocket                    | 5                    |
| 14   | profesional        | professional              | 5                    |
| 15   | saiz               | size                      | 5                    |
| 16   | TV                 | television                | 5                    |
| 17   | unik               | unique                    | 5                    |
| 18   | fungsi             | function                  | 4                    |
| 19   | gas                | gas                       | 4                    |
| 20   | ilusi              | illusion                  | 4                    |
| 21   | mikrofon           | microphone                | 4                    |
| 22   | pil                | pill                      | 4                    |
| 23   | serius             | serious                   | 4                    |
| 24   | suis               | switch                    | 4                    |
| 25   | teknik             | technique                 | 4                    |

Jadual 4.1 Kekerapan Perkataan Pinjaman Bahasa Inggeris dalam Buku Komik Doraemon

Berdasarkan Jadual 4.1, didapati 25 perkataan pinjaman bahasa Inggeris yang diulang penggunaannya dalam buku komik siri 40 hingga siri 45 yang mewakili perkataan pinjaman dalam empat buah daripada kesemua enam buah buku komik menunjukkan bahawa perkataan-perkataan seperti **aktiviti**, **idea**, **stor** dan **telefon** merupakan kata

pinjaman yang digunakan dalam kesemua enam buah buku komik Doraemon (lihat Jadual 4.1). Walaupun perkataan **idea** dan **stor** mempunyai kata asal dalam bahasa Melayu iaitu *pemikiran* bagi **idea** dan *tempat menyimpan barang* bagi **stor**, tetapi perkataan-perkataan yang diambil daripada bahasa Inggeris itu lebih banyak digunakan di dalam komik Doraemon. Penggunaan perkataan pinjaman bahasa Inggeris yang banyak ini sebenarnya telah membantu kanak-kanak melatih diri dalam kemahiran berbahasa mereka.

| Siri/Buku     | Jumlah keseluruhan | Peratusan    |
|---------------|--------------------|--------------|
| 40            | 77                 | 16.35 %      |
| 41            | 77                 | 16.35 %      |
| 42            | 71                 | 15.07 %      |
| 43            | 77                 | 16.35 %      |
| 44            | 78                 | 16.56 %      |
| 45            | 91                 | 19.32 %      |
| <b>Jumlah</b> | <b>471</b>         | <b>100 %</b> |

Jadual 4.2      Statistik Entri Penggunaan Perkataan Pinjaman Bahasa Inggeris dalam Buku Komik Doraemon

Jadual 4.2 menunjukkan penggunaan perkataan pinjaman bahasa Inggeris yang digunakan dalam komik humor yang dikaji adalah hampir seimbang. Walaupun perkataan pinjaman bahasa Inggeris lebih banyak didapati dalam buku komik Doraemon siri 45 namun itu hanya mengambil jumlah peratusan sebanyak 19.32% sahaja. Justeru, boleh dikatakan penggunaan pinjaman bahasa Inggeris dalam buku

komik ini amat ditekankan terutamanya apabila buku Doraemon ini menyentuh unsur magik yang berbentuk Sains yang memerlukan penggunaan bahasa Inggeris. Jumlah kata pinjaman yang banyak digunakan dalam komik ini dapat membantu kanak-kanak menambah kosa kata dalam bahasa Inggeris mereka.

Perkataan-perkataan pinjaman bahasa Inggeris yang berjumlah 471 yang terdapat dalam Doraemon dari siri 40 hingga siri 45 boleh dilihat dalam Apendiks 2 hingga 7.

### **4.3 Penggunaan Kata Seruan**

Data kajian menunjukkan penggunaan kata seruan dalam ayat seruan dalam buku komik Doraemon siri 40 hingga siri 45. Kata seru yang dikaji sebahagiannya wujud dalam tatabahasa Melayu sementara sebahagiannya pula hanya rekaan bagi tujuan untuk menyuntik unsur hiburan kepada para pembaca, terutamanya kanak-kanak.

#### **Ekstrak 12**

(40,73:3)      Nobita:      **Oh** begitu!

#### **Ekstrak 13**

(42,48:3)      Giant:      **Eh!** Majalah Darjah 4 lah!

#### **Ekstrak 14**

(43,43:6)      Giant:      **Ha!** Sudah jumpa!

### **Ekstrak 15**

(42,51:4) Nobita: **Wah!** Memang sungguh berkesan!

### **Ekstrak 16**

(42,85:6) Suneo: **Yalah!** Kalau dia terus bercuti sampai bila-bila kan bagus!

### **Ekstrak 17**

(41,180:7) Nobita: **Arhh!** Sedang jual kepada pembeli kertas!

Analisis data dalam buku komik Doraemon ini menunjukkan bahawa banyak kata seruan diwujudkan sendiri oleh pengarang atau penterjemah untuk menarik minat kanak-kanak membaca buku komik tersebut. Antara kata seru yang kerap digunakan misalnya adalah **Oh, Eh, Ha, Wah, Yalah** dan **Arhh** (lihat Ekstrak 12 hingga 17). Kata seruan **Oh** dalam Ekstrak 12 menunjukkan perasaan terkejut Nobita yang mengungkapkan “**Oh** begitu!” kerana terkejut dengan kebolehan robot pemberita yang boleh memaparkan berita secara langsung melalui televisyen.

| Kata Seruan   | Kekerapan Penggunaan |
|---------------|----------------------|
| Oh            | 163                  |
| Eh            | 125                  |
| Ha            | 80                   |
| Wah           | 80                   |
| Yalah         | 61                   |
| Arhh          | 60                   |
| <b>Jumlah</b> | <b>569</b>           |

Jadual 4.3      Kekerapan Penggunaan Kata Seruan dalam  
Buku Komik Doraemon

Sebanyak 1307 kali kata seru dituturkan oleh watak-watak dalam buku komik Doraemon (lihat Apendiks 9). Daripada jumlah tersebut, sebanyak 569 kata seruan terdapat dalam buku komik Doraemon seperti dalam Jadual 4.3. Kata seru **Oh** merupakan kata seru yang paling banyak diucapkan iaitu sebanyak 163 kali. Diikuti kata seru **Eh** yang diucapkan sebanyak 125 kali. Seterusnya kata seru **Ha** dan **Wah** mempunyai jumlah penggunaan yang sama iaitu digunakan sebanyak 80 kali. Kata seru **Yalah** pula diulang sebanyak 61 kali.

Terdapat unsur humor yang digambarkan melalui kata seru yang ditunjukkan dalam komik Doraemon (lihat Apendiks 9). Antaranya ialah kata seru yang **Aiyoh**. Perkataan Aiyoh ini adalah seakan-akan perkataan **Aiyoyo** yang sering kita dengar pengucapannya yang dalam filem-filem Tamil. Dalam hal ini perkataan **Aiyoh** adalah sebagai unsur humor yang boleh menyebabkan seseorang merasa geli hati apabila

membacanya. Ini kerana apabila penggunaan perkataan **Aiyoh** dikaitkan dengan **Aiyoyo** akan menimbulkan perasaan geli hati pendengar. Biasanya dalam filem Tamil, apabila seseorang terlupa sesuatu atau membuat sesuatu yang bersalahan, maka ujaran **Aiyoh** akan diucapkan sebagai menunjukkan sifat pelupa atau kebodohan seseorang itu. Tambahan pula, perkataan ini hanya sekali sahaja diucapkan dalam buku komik Doraemon tetapi mempunyai kesan yang besar dan mampu membuatkan kanak-kanak terangsang untuk membaca komik ini. Dialog ayah Nobita “**Aiyoh**, kesesakan lalu lintas” dalam buku komik Doraemon siri 42 halaman 129, menggambarkan perasaan ayah Nobita yang begitu gembira apabila memperoleh peluang memandu kereta mini milik Doraemon walaupun selepas ia gagal lagi dalam ujian pemanduan. Kata seru **Aiyoh** diungkapkan oleh ayah Nobita bagi menggambarkan perasaannya yang ceria walaupun terganggu dengan kesesakan jalan raya. Ayah Nobita sememangnya tahu kesesakan jalan raya itu dapat diatasi dengan memandu kereta mini tersebut.

Kata seru humor lain yang menunjukkan unsur ciptaan pengarang ialah **Huaaa** (menguap) **Aaa, Jeng jeng jeng, Kuang kuang kuang** dan **Meh meh meh**. Kata seru yang dituturkan oleh Giant iaitu **Jeng jeng jeng** merupakan kata seru yang tidak terdapat dalam tatabahasa Melayu tetapi ia menjadi ungkapan popular orang Melayu bagi menunjukkan suasana humor. Sementara penggunaan kata seru **Hwa** digunakan untuk menggambarkan seseorang yang sedang menangis. Lazimnya, “uhuk, uhuk” yang digunakan tetapi oleh sebab ingin menunjukkan keadaan dan bunyi yang sebenar orang menangis, kata seru **Hwa** disesuaikan dalam komik Doraemon. Penggunaan kata seru ini tidak terdapat dalam tatabahasa Melayu tetapi kerap digunakan khususnya

untuk menimbulkan unsur humor dan bagi menarik minat kanak-kanak membaca buku tersebut.

#### 4.4 Penggunaan *Hedges*

Holmes (2001) menyatakan bahawa *Hedges* digunakan untuk menunjukkan rasa tidak yakin. Bagaimanapun terdapat tujuan lain bagi *hedges* iaitu digunakan untuk menjaga air muka dan mengurangkan tekanan dalam pertuturan.

#### Ekstrak 18

(43,18:4) Doraemon: **Mungkin** Nobita tidak sengaja hanya mengambil gambar Shizuka sahaja.

#### Ekstrak 19

(41,11:5) Nobita: **Sebenarnya** aku datang untuk berunding sesuatu. Aku ingin mempelawa kau menyertai pasukan aku sebagai pembaling bola.

#### Ekstrak 20

(42,8:2) Giant: **Tak sangka** Nobita dapat lari dengan begitu laju tadi.. Walaubagaimanapun kita tidak boleh terlepas begitu sahaja!!

Dalam Ekstrak 18, frasa **mungkin** menggambarkan satu bentuk ucapan yang menunjukkan nada yang tidak begitu yakin terhadap apa yang diperkatakannya. Bagi Ekstrak 19 pula, Nobita menyebut **sebenarnya** sebagai pembuka kata sebelum melahirkan tujuan sebenar beliau. Manakala dalam Ekstrak 20, Giant melahirkan perasaan terkejut dengan menujarkan **tak sangka** kerana Nobita dapat berlari dengan pantas sedangkan selama ini Nobita dianggap sebagai kanak-kanak lelaki yang lemah.

### **Ekstrak 21**

(45,55:9)      Suneo:      **Aku ingatkan** model plastik hebat apakah yang ingin dikeluarkan oleh Doraemon, rupanya yang itu...

### **Ekstrak 22**

(40,71:1)      Shizuka:      Ada masalah rumah tangga **rupa-rupanya!**

Begitu juga dengan dialog Suneo dalam Ekstrak 21 iaitu **aku ingatkan** adalah menyatakan bahawa dia tidak menyangka bahawa Doraemon akan mengeluarkan model plastik yang hebat dan ini diucapkan untuk menjaga air mukanya supaya kelihatan hebat daripada semua rakan-rakannya. Perkataan **rupa-rupanya** yang diucapkan oleh Shizuka dalam Ekstrak 22 pula menunjukkan satu usaha Shizuka yang cuba mengelak daripada menggunakan ungkapan berbentuk sindiran yang dianggap kasar. Tambahan pula, sebagai seorang wanita perlu untuk menjaga perhubungan antara rakan dengan menjaga air muka dan sentiasa cuba untuk mengambil hati rakan-rakannya. Beliau berbuat demikian untuk menjaga tatasusilanya sebagai seorang wanita yang sopan. Penggunaan *hedges* oleh Doraemon, Nobita, Giant, Suneo dan Shizuka adalah sebagai mengurangkan tekanan dalam pertuturan untuk menunjukkan taraf atau kedudukan diri yang tinggi.

Jelasnya, seseorang kanak-kanak perlu bersikap dengan sifat yang baik seperti tidak bersikap angkuh, tidak besar diri dan sentiasa bersopan tanpa mengambil kira sama dengan siapa mereka berbicara sama ada dengan orang dewasa atau dengan rakan sebaya. Seseorang kanak-kanak tidak kira kanak-kanak lelaki maupun perempuan

harus sentiasa mengekalkan penggunaan bahasa yang baik apabila bertutur dengan rakan-rakan dan orang yang di sekeliling mereka.

## **4.5 Penggunaan Soalan Tag**

Penggunaan soalan tag juga terdapat dalam buku komik Doraemon. Seperti yang telah dijelaskan oleh Holmes (2001), penggunaan soalan tag adalah sebagai mengurangkan tekanan sesuatu kenyataan. Di samping itu, terdapat unsur persetujuan bahawa mereka memahami pernyataan yang diujarkan.

Ekstrak 22

(41,56:6) Doraemon: Berkaitan nyawa seekor kucing lebih penting  
bukan!!

Ekstrak 23

(40,184:4) Nobita: Bukankah nama anak aku nanti adalah Nobisuke!?

Ekstrak 24

(42,103:6) Giant: Nasib baik kita tak naik tadi kan!

Ekstrak 25

(45,61:1) Dekisugi: Aku dengar cerita Pokok Mapel di Gunung Takai sana  
sungguh cantik sekarang ini.

(45,61:1) Shizuka: Teringin hendak ke sana, kan.

## **Ekstrak 26**

(44,99:2) Doraemon: Gambar budak perempuan ini dirakam dengan tidak sengaja bukan?

Dalam Ekstrak 22, Doraemon menggunakan soalan *tag* bagi melembutkan pernyataan di samping untuk menggambarkan bahawa Nobita memang tahu tentang kepentingan menyelamatkan nyawa seekor kucing. Sementara dalam Ekstrak 23, Nobita menggunakan soalan *tag* sebagai unsur menegaskan persetujuan dengan Doraemon bahawa anak Nobita pada masa akan datang ialah Nobisuke. Ekstrak 24 pula mengandungi soalan *tag* yang menunjukkan Giant amat bersyukur kerana terhindar daripada kemalangan dan dia mengharapkan persetujuan daripada Suneo untuk menyokong pernyataannya. Begitu juga dengan Shizuka dalam Ekstrak 25, yang cuba mendapatkan persetujuan dengan Dekisugi bahawa mereka sama-sama teringin pergi ke Gunung Takai. Penggunaan soalan *tag* ini sesuai ditujukan kepada kanak-kanak kerana unsur soalan *tag* dapat melembutkan sesuatu pernyataan. Ekstrak 26 pula menunjukkan Doraemon terkejut terambil gambar secara tidak sengaja seorang budak perempuan yang diminati oleh Giant. Unsur kejutan dapat dilembutkan dengan solan *tag* ini.

## **4.6 Perlakuan Sosial Kanak-kanak**

Data kajian menunjukkan bahawa antara kelakuan sosial yang dipaparkan dalam buku komik Doraemon ialah hormat kepada guru, tanggungjawab kerja, suka membaca buku komik dan penggunaan unsur kesopanan seperti yang dibincang dalam bahagian seterusnya.

#### **4.6.1 Hormat pada Guru**

Hormat pada guru adalah perbuatan yang baik dan perlu ada pada setiap kanak-kanak. Ini kerana sikap menghormati guru akan menjadikan seseorang itu cuba menjadi yang terbaik terutamanya apabila berhadapan dengan gurunya.

#### **Ekstrak 27**

(42,6:4)      Nobita:      Tak mungkin aku dapat habis siapkan soalan-soalan yang sebegini banyak! Matahari pun sudah hampir tenggelam!

Dalam Ekstrak 27, Nobita didenda dengan membuat kerja sekolah seorang diri selepas waktu persekolahan tamat sementara pelajar yang lain sudah pun pulang ke rumah. Hukuman atau denda daripada guru ini menunjukkan bahawa guru ini mengambil berat akan kesalahan muridnya. Hukuman yang sesuai dengan kanak-kanak juga kadang kala dianggap oleh murid-murid bahawa guru mereka amat bersifat penyayang dan mengambil berat.

#### **Ekstrak 28**

(42,151:6)      Cikgu:      Apalah!! Ujian sudah lama tamat, berdiri di kaki lima ini sampai waktu balik nanti!!  
Nobita:      (mendiamkan diri)

Dalam Ekstrak 28, data menunjukkan Nobita terlambat ke sekolah dan tidak sempat mengambil ujian disekolahnya. Oleh itu, guru Nobita telah mendendanya dan Nobita hanya mengikut arahan tanpa membantah. Sikap mendiamkan diri Nobita menunjukkan tanda hormat Nobita terhadap gurunya.

### **Ekstrak 29**

(40,138:5-8) Suneo: Mak aku tiada di rumah.  
Mak Suneo: Cikgu..  
Cikgu: Aku ingin berbincang dengan kau berkenaan prestasi pembelajaran Suneo.  
Suneo: Habislah ....

Seterusnya dalam Ekstrak 29, Suneo berasa amat takut apabila gurunya hendak berjumpa dengan ibunya bagi membincangkan prestasi pembelajarannya di sekolah. Oleh itu Suneo sanggup menipu gurunya dengan menyatakan bahawa ibunya tiada di rumah. Bagaimanapun tiba-tiba ibunya muncul lalu menyebabkan Suneo berasa semakin cemas. Keadaan cemas Suneo boleh diandaikan bahawa Suneo adalah seorang murid yang bermasalah. Sebagai seorang murid, Suneo tidak seharusnya menipu gurunya apatah lagi pada masa itu gurunya telah pun tiba di rumah suneo. Hal ini menunjukkan sikap guru Suneo yang mengambil berat akan pelajaran Suneo sehingga gurunya sanggup pergi ke rumah Suneo untuk berjumpa ibunya.

### **Ekstrak 30**

(42,179:6) Cikgu: Kau masih merayau-rayau!! Lekas balik dan siapkan kerja sekolah!!

Seterusnya dalam Ekstrak 30, terdapat peristiwa tentang guru Nobita yang terserempak dengan Nobita semasa Nobita sedang berjalan-jalan sambil menggunakan “Alat Pemeriksa Pilihan Laluan”. Keadaan ini menyebabkan guru Nobita memarahinya kerana dianggap asyik merayau-rayau walaupun gurunya banyak memberinya kerja

sekolah. Sikap hormat kepada guru menjadikan Nobita hanya mendiamkan diri dan tidak membantah apa-apa yang diperkatakan oleh gurunya.

Berdasarkan semua contoh Ekstrak 27 hingga 30, perlakuan kanak-kanak yang perlu menghormati guru amatlah ditekankan. Ini bukan sahaja didapati dalam masyarakat Jepun malah sifat menghormati dan menyayangi guru ini didapati dalam masyarakat Malaysia. Nilai murni ini secara tidak langsung kanak-kanak yang membaca buku komik Doraemon akan mendapat pendedahan dan manfaat kerana hubungan antara guru dan murid-murid sememangnya cukup dekat dalam kehidupan sebenar kanak-kanak.

#### **4.6.2 Tanggungjawab Kerja**

Analisis kajian ini menunjukkan bahawa secara umumnya kanak-kanak lelaki digambarkan sebagai tidak melaksanakan tanggungjawab kerjanya dengan baik. Perkara ini dapat dilihat daripada sikap Nobita sebagai seorang kanak-kanak lelaki yang malas, lemah dan sentiasa menangguhkan kerja (lihat Ekstrak 31-36).

#### **Ekstrak 31**

(43,27:4) Nobita: Sebenarnya aku ingin menyiapkan kerja sekolah semalam, tetapi secara tidak sengaja aku telah menghabiskan masa keluar bermain...

#### **Ekstrak 32**

(42,178:3-4) Cikgu: Cikgu sudah banyak berikan kerja sekolah. Kau mesti sudah siapkan kerana sibuk merayau-rayau ini kan.

(42,178:3) Cikgu: Apa! Belum!? Pott pett pott pett.

### **Ekstrak 33**

(42,32:4) Ibu Nobita: Sejak tadi asyik keluar masuk rumah sahaja. Tak boleh berada di rumah menyiapkan kerja sekolah dan belajar kah?

(42,32:5) Nobita: Apalah, hendak bermain sebentar pun tak boleh.

### **Ekstrak 34**

(40,39:5) Ibu Nobita: Cikgu kau telefon tadi! Katanya kau tidak akan ada masa mengulangkaji pelajaran jika dibiarkan asyik membaca buku komik!

### **Ekstrak 35**

(42,169:4) Nobita: Aik? Mereka sedang menyiapkan kerja sekolah.  
(*Nobita melihat Dekisugi dan Shizuka melalui “Alat Peninjau Ruang Tertutup”*)

(42,169:4) Doraemon: Mereka berdua rajin dan bersungguh-sungguh,  
mestilah mereka akan menyiapkan kerja sekolah dahulu!

(42,169:5) Nobita: Yalah aku juga sepatutnya siapkan kerja sekolah...

### **Ekstrak 36**

(43,139:1) Ibu Nobita: Nobita! Jangan keluar selagi kau tidak siapkan kerja sekolah.

Perkara yang jelas ditonjolkan dalam Ekstrak 31 hingga 34 adalah sikap Nobita yang tidak suka dan tidak menyiapkan kerja sekolah yang diberikan oleh gurunya (lihat frasa yang digariskan). Namun, dalam Ekstrak 35, Nobita memperoleh semangat untuk menyiap kerja sekolahnya hasil daripada pemerhatian terhadap rakan-rakannya iaitu

Shizuka dan Dekisugi yang sentiasa belajar bersungguh-sungguh. Selain itu dalam Ekstrak 36, Nobita tidak dibenarkan keluar dari rumah selagi kerja sekolahnya belum disiapkan terlebih dahulu.

Berdasarkan Ekstrak 31 hingga 36 di atas, kanak-kanak juga seharusnya sedar bahawa sesuatu kejayaan adalah datang daripada usaha yang berterusan. Malahan kanak-kanak juga seharusnya sedar akan kepentingan tanggungjawab mereka sebagai pelajar yang perlu mencari ilmu pengetahuan sebanyak mungkin sebagai bekalan untuk masa depan mereka. Tanpa ilmu seseorang kanak-kanak tidak mungkin mampu menjadi pewaris bangsa Malaysia yang berjaya serta menjadi rakyat yang berguna kepada negara.

#### **4.6.3 Gemar kepada Bahan Bacaan Komik**

Kanak-kanak lazimnya amat meminati bahan bacaan komik. Oleh itu, dalam buku komik Doraemon juga terdapat banyak bahagian yang memaparkan kanak-kanak yang suka membaca buku komik (lihat Ekstrak 37 hingga 40).

#### **Ekstrak 37**

- (41,111:2) Nobita: Kenapa jadi begini? Sebuah komik dan majalah pun tiada..
- (41,111:5) Ibu Nobita: Mak sudah buangkan bersama sampah yang lain pagi tadi!
- (41,111:5) Nobita: Kenapa buat begitu!
- (41,111:6) Ibu Nobita: Masalahnya, kalau ada buku komik-buku komik dan majalah-majalah itu kau tidak mahu belajar!
- (41,111:7) Nobita: Aku sudah hilang kekuatan untuk meneruskan hidup ini ...

### **Ekstrak 38**

(44,50:2) Nobita: Eh! Ini! Buku komik yang sudah lama aku cari. Hampir-hampir dijual mak kepada penjual kertas lama!

Dalam Ekstrak 37, terdapat pengajaran kepada kanak-kanak yang gemar membaca buku komik agar dapat diseimbangkan dengan masa belajar. Selain itu, ibu bapa disarankan agar memahami sikap anak-anak mereka yang minat membaca komik agar minat anak-anak mereka itu tidak dihentikan malah diberi arah panduan yang sesuai. Perihal yang sama dapat dilihat dalam Ekstrak 38, iaitu Nobita begitu gembira apabila menemui semula buku komik kegemarannya yang amat disayangi yang hampir-hampir dijual oleh ibunya. Nobita digambarkan seolah-olah hidupnya tidak bererti sekiranya komik yang digemarinya tersebut dijual oleh ibunya.

### **Ekstrak 39**

(44,51:9) Ibu Giant: Malas belajar, asyik tahu baca buku komik sahaja!!

### **Ekstrak 40**

(44,71:1) Nobita: Ini memang buku komik yang kau inginkan sejak sekian lama. Akhirnya dapat beli juga!!

(44,71:2) Giant: Aku hendak baca terlebih dahulu.

Dalam Ekstrak 39 pula, ibu Giant juga telah memarahinya kerana tidak membaca buku sekolah tetapi lebih berminat untuk membaca buku komik sehingga telah mengganggu pelajarannya. Peristiwa dalam Ekstrak 39 adalah sama dengan Ekstrak 37 di mana kanak-kanak harus pandai membahagikan masa antara masa membaca komik dengan

membaca buku pelajaran. Manakala dalam Ekstrak 40, Nobita telah berusaha membeli buku komik yang amat diidamkan sejak sekian lama. Ini juga menggambarkan kepada ibu bapa bahawa keperluan atau hobi kanak-kanak terhadap buku komik tidak harus dihapuskan, sebaliknya kanak-kanak perlu dibimbang agar mereka boleh seimbangkannya dengan membaca buku pelajaran. Ibu bapa tidak seharusnya menyekat minat kanak-kanak untuk membaca kerana minat membaca lambat-laun akan dapat dipanjangkan pula kepada minat kepada bahan bacaan ilmiah.

Imej kanak-kanak yang suka membaca buku komik seperti yang ditonjolkan dalam komik Doraemon ini sebenarnya ingin memberitahu masyarakat bahawa kanak-kanak yang membaca buku komik adalah kanak-kanak yang baik jika mereka membaca buku komik pada masa yang sesuai. Keadaan ini jelas telah dipaparkan oleh pengarang komik Doraemon iaitu Fujiko F. Fujio tentang budaya membaca komik yang wujud di kalangan masyarakat Jepun, terutamanya golongan kanak-kanak telah menjadikan Jepun sekarang ini maju berbanding negara Asia yang lainnya.

#### **4.6.4 Penggunaan Unsur Kesopanan**

Unsur kesopanan juga terdapat dalam buku komik Doraemon. Ia bertujuan untuk menjaga air muka atau untuk menunjukkan perbualan yang bersikap sopan. Selain itu penggunaan unsur kesopanan adalah bagi membezakan tahap formaliti dalam sesuatu perbualan. Tahap formaliti perlu berbeza-beza ketika berbicara sama ada antara sesama rakan atau ketika berbual dengan orang yang lebih tua atau orang yang kita hormati. Unsur kesopanan dalam perbualan watak kanak-kanak yang wujud dalam buku komik

Doraemon ini mencerminkan bentuk pertuturan yang lazim berlaku dalam interaksi antara seseorang dengan seseorang yang lain (lihat Ekstrak 41-45).

### **Ekstrak 41**

(42,106:9) Doraemon: **Terima kasih!** Nah, sosej yang telah aku janjikan.

### **Ekstrak 42**

(44,19:7) Nobita: **Minta maaf** ya kerana terpecahkan balang bunga mak.

Dalam Ekstrak 41, kesopanan yang tinggi diperlihatkan wujud dalam diri Doraemon kerana Doraemon telah mengucapkan terima kasih walaupun kepada binatang iaitu seekor anjing yang telah menolongnya menghantar barang. Sikap sopan Doraemon ini berpunca daripada sikap semula jadi Doraemon yang baik hati dan sentiasa ingin disukai dan dihargai oleh orang lain. Sementara dalam Ekstrak 42, Nobita telah meminta maaf kepada ibunya sebelum dimarahinya. Ini juga ada kaitan dengan solidariti yang mana Nobita telah berusaha untuk mengekalkan hubungan yang positif dengan ibunya agar dirinya sentiasa dihargai.

### **Ekstrak 43**

(44,44:8) Giant: **Tunggu! Maaf**, tidak disengajakan tadi!!

### **Ekstrak 44**

(40,134:6) Suneo: **Minta maaf**, terkeluar tabiat bangga lagi.

### **Ekstrak 45**

(42,57:2)      Shizuka:      **Minta maaf**, aku mahu mengulangkaji pelajaran di rumah Dekisugi.

Dalam Ekstrak 43 pula, Giant diperlihatkan mempunyai sikap yang garang dan nakal. Walau bagaimanapun, beliau masih turut meminta maaf dengan begitu sopan. Sementara Suneo dalam Ekstrak 44 telah meminta maaf sambil mengaku bahawa beliau telah terkeluar sikap angkuhnya. Dalam contoh tersebut Suneo ingin mengekalkan hubungan serta bertujuan untuk mengeratkan lagi hubungannya dengan bersikap sopan semasa berinteraksi dengan orang lain. Dalam Ekstrak 45 pula, Shizuka telah meminta maaf kepada Nobita kerana terpaksa menolak pelawaannya untuk belajar bersama-sama dan sikap kesopanannya itu amat terserlah lebih-lebih lagi kerana beliau adalah seorang wanita yang begitu mementingkan kesopanan serta sentiasa menjaga tata susila. Selain itu, Shizuka ingin menjaga hati Nobita supaya tidak tersinggung atau mengelakkannya berkecil hati.

Implikasi kepada kanak-kanak terhadap nilai-nilai yang boleh dipelajari oleh mereka secara tidak langsung ialah kanak-kanak perlu untuk sentiasa menjaga air muka rakan-rakan yang lain agar mereka dapat berkawan dengan baik antara sesama mereka. Seterusnya tindakan menjaga air muka ini dapat menghindarkan konflik antara mereka.

### **4.7 Unsur-unsur yang digemari oleh Kanak-kanak**

Terdapat beberapa unsur yang digemari oleh kanak-kanak terhadap pembacaan buku komik Doraemon. Analisis berikut membincangkan kepentingan unsur binatang, kehidupan fantasi, mistik, magik kanak-kanak, cerita lagenda, sejarah atau mitos,

pengembaraan masa hadapan, unsur humor, nilai-nilai positif dan isu gender yang kerap terdapat dalam buku komik tersebut.

#### **4.7.1 Penggunaan Unsur Binatang**

Binatang adalah haiwan yang sangat digemari oleh kanak-kanak. Analisis kajian mendapati bahawa antara bunyi binatang yang dipaparkan dalam buku komik Doraemon adalah anjing, kucing, kuda, lembu, burung, singa, monyet, tikus dan dinasour seperti yang dipaparkan dalam Jadual 4.4.

| <b>Binatang</b> | <b>Jumlah</b> |
|-----------------|---------------|
| Kucing          | 15            |
| Anjing          | 14            |
| Burung          | 4             |
| Lembu           | 2             |
| Dinasour        | 2             |
| Kuda            | 2             |
| Singa           | 1             |
| Monyet          | 1             |
| Tikus           | 1             |
| Jumlah          | 42            |

Jadual 4.4 Penggunaan Unsur Binatang dalam Buku Komik Doraemon

Jadual 4.4 menunjukkan bunyi kucing yang paling kerap digunakan dalam buku komik Doraemon kerana kucing merupakan binatang yang manja dan disukai oleh kanak-kanak. Selain itu, wujud juga masalah peraturan tempat tinggal yang tidak membenarkan peliharaan harian seperti anjing yang boleh menyebabkan bunyi bising

ataupun kerana alasan agama seperti orang Islam yang tidak boleh membela anjing sebagai binatang peliharaan.

#### Ekstrak 46

(42,108:7) Kucing dan Doraemon berbual: Meow! Kherr! Meow!  
Kherr!? Meow! Meow!  
Kherr!

Rajah 4.0 Penggunaan Unsur Bahasa Kucing



### **Ekstrak 47**

(40,32:3) Anjing (sedang makan rumput): Gherr...

Rajah 4.1 Penggunaan Unsur Bahasa Anjing



(40,178:7) Anjing: Whoon, whoon

(44,6:3) Anjing(marah): Gherr

### **Ekstrak 48**

(44,125:1) Kuda: Hrekk!!

### **Ekstrak 49**

(44,127:5) Lembu: Mokk... Mokk...

### **Ekstrak 50**

(40,22:1) Burung: Chipp..chipp..

### **Ekstrak 51**

(41,132:1) Singa: Haumm...

### **Ekstrak 52**

(42,54:1) Monyet: Chii! Chii! Chii!

### **Ekstrak 53**

(45,16:8) Tikus: Critt,Critt!

Dalam Ekstrak 47 dan Rajah 4.1, terdapat anjing yang sedang mencabut rumput setelah terkena sarung tangan penukaran Nobita. Anjing berkeadaan demikian akibat marah kerana terpaksa mencabut rumput. Di sini, di samping kanak-kanak mempelajari bunyi bahasa anjing, terdapat juga unsur humor kerana secara realitinya kanak-kanak, malah sesiapa pun tidak pernah mendengar suara anjing yang marah kerana dipaksa mencabut rumput. Unsur tarikan lain yang diketengahkan oleh pengarang ialah kucing yang sedang berbual dengan Doraemon. Ini dapat dilihat dalam Ekstrak 46 dan Rajah 4.0. Unsur bunyi perbualan kucing membawa unsur humor kerana secara realitinya kanak-kanak tidak pernah melihat kucing berbual antara satu sama lain. Tambahan pula Doraemon merupakan kucing robot yang mempunyai otak seperti manusia. Ini juga menjadikan kanak-kanak cuba merasai alam binatang dalam kehidupan mereka.

Dalam Ekstrak 48 terdapat unsur kuda. Bunyi kuda yang diketengahkan dalam komik Doraemon mampu menarik minat kanak-kanak terhadap bahan bacaan komik

Doraemon. Kanak-kanak juga mungkin biasa menonton televisyen yang memaparkan kuda dan bunyinya.

Selain itu dalam Ekstrak 49, terdapat unsur lembu. Lazimnya kita mengetahui dari pembelajaran formal di sekolah, bunyi lembu ialah “moo, moo” tetapi dalam komik Doraemon bunyi lembu adalah “mok, mok”. Mungkin pengarang cuba menimbulkan unsur humor kerana bunyi “mok, mok” lebih dekat dengan jiwa kanak-kanak di Malaysia. Dalam Ekstrak 50 pula ialah bunyi burung yang juga dianggap bunyi yang biasa didengari oleh kanak-kanak. Bunyi “cip, cip” sememangnya merujuk kepada bunyi burung. Bunyi burung ini juga menjadi tarikan kepada kanak-kanak.

Di samping itu, dalam Ekstrak 51 dan 52, dipaparkan unsur monyet dan singa. Unsur monyet dan singa mungkin dapat menarik minat kanak-kanak. Kanak-kanak juga dapat mempelajari bunyi monyet dan singa berdasarkan unsur binatang ini yang boleh didapati dalam Ekstrak 51 dan 52. Dalam Ekstrak 53, unsur tikus dianggap menarik kerana ianya kerap menjadi bahan cerita dalam buku-buku pelajaran dan cerita-cerita dongeng kanak-kanak di sekolah. Antara cerita kartun yang terkenal dan amat diminati kanak-kanak tentang tikus ialah cerita “Tom and Jerry” dan “Mickey and Minnie Mouse” yang telah menjadikan imej tikus ini terkenal di seluruh dunia. Semua unsur binatang yang dibincangkan ini menjadi tarikan yang kuat kepada kanak-kanak untuk membaca buku komik Doraemon.

Pemilihan binatang adalah sebagai satu unsur untuk menarik perhatian kanak-kanak terhadap pembacaan buku komik Doraemon. Tambahan pula, penggunaan unsur

binatang ini akan dapat menambahkan lagi imaginasi dan perasaan ingin tahu kanak-kanak terhadap kehidupan binatang.

#### **4.7.2 Kehidupan Fantasi / Mistik / Magik Kanak-kanak**

Menurut Woolley, Jacqueline D. (1997), kanak-kanak sukar membezakan antara fantasi dengan realiti. Oleh sebab itu kanak-kanak biasanya akan mudah mempercayai sesuatu yang tidak logik seperti ikan yang boleh bercakap dan seumpamanya. Unsur fantasi, mistik dan magik menjadi unsur yang amat digemari oleh kanak-kanak. Kanak-kanak akan mempelajari sesuatu yang baharu apabila membaca kisah-kisah seperti ini. Ini kerana dalam kehidupan sebenar, kanak-kanak tidak pernah mengalami unsur fantasi, mistik dan magik ini. Oleh itu, mereka nampak lebih terdorong untuk menyukai unsur ini dalam bahan-bahan bacaan mereka. Ini kerana kanak-kanak mempunyai sikap ingin tahu dan sikap ini menjadikan mereka amat berminat dan terdorong untuk mendapatkan jawapan bagi sesuatu yang dianggap misteri.

##### **a. Unsur Fantasi**

Kanak-kanak terkenal dengan keinginan fantasi mereka. Unsur fantasi kanak-kanak kadangkala boleh disifatkan sebagai unsur khayalan. Unsur fantasi kanak-kanak wujud kerana sifat kanak-kanak secara semula jadi yang suka kepada alam khayalan kerana kanak-kanak mempunyai minda imaginasi yang tinggi.

### **Ekstrak 54**

(42,38:10) Doraemon: Alat ini sebenarnya direka untuk orang yang sibuk dan kurang masa untuk makan. Cuma semburkan pada gambar atau lukisan, maka boleh makan dengan menggunakan mata.”

Rajah 4.2      Unsur Fantasi “Gas Pembangkit Deria Makanan”



Ekstrak 54 dan Rajah 4.2, menunjukkan unsur fantasi berupa “Gas pembangkit Deria Makanan” yang dapat menjadikan seseorang berasa kenyang tanpa perlu merasa sesuatu makanan. Kanak-kanak pasti seronok membayangkan fantasi apabila mereka boleh makan apa sahaja yang mereka inginkan dengan hanya menggunakan alat tersebut.

### **Ekstrak 55**

(43,172:1) Doraemon: Gunakan Mesin Masa untuk kembali ke zaman ayah masih muda, dan cuba merealisasikan impianinya sebagai pelukis itu satu kenyataan!

Rajah 4.3      Unsur Fantasi “Mesin Masa”



Sementara dalam Ekstrak 55 dan Rajah 4.3 pula menggambarkan sebuah “mesin masa” yang dapat membawa seseorang ke mana-mana sahaja dengan masa sesuatu tempat itu boleh diubah-ubah. Unsur ini juga boleh menyebabkan kanak-kanak memasang impian untuk pergi ke mana-mana sahaja dengan menggunakan mesin masa tersebut. Malah dalam cerita ini menggambarkan elemen gembira apabila Nobita begitu gembira untuk pergi ke zaman ayahnya semasa muda bagi merealisasikan impian ayahnya untuk menjadi seorang pelukis.

#### b. Unsur Mistik / Misteri


Unsur mistik dianggap sesuatu yang tidak logik. Ini kerana unsur mistik tidak dapat dibuktikan dengan pemikiran. Ia juga bertentangan dengan Sains yang mementingkan unsur logik. Unsur mistik dianggap sesuatu yang amat dekat dengan kanak-kanak

kerana unsur mistik bagi kanak-kanak biasanya dikaitkan dengan unsur misteri. Bagi kanak-kanak, unsur misteri adalah seperti unsur wujudnya hantu. Oleh itu, kanak-kanak amat takut akan hantu. Dalam diri kanak-kanak pula apabila mereka berasa takut sebenarnya menjadikan mereka semakin seronok kerana sikap ingin tahu mereka yang tinggi. Malah perasaan seram kanak-kanak menjadikan hidup mereka mempunyai unsur suspensi yang menyeronokkan.

### **Ekstrak 56**

(40,41:3) Nobita: Malam ini, jelmaan aku yang misteri itu akan muncul.

Rajah 4.4      Unsur Mistik “Jelmaan Misteri”



Dalam Ekstrak 56 dan Rajah 4.4, menggambarkan jelmaan misteri akan muncul jika dititiskan dakwat ajaib kepada seseorang. Jelmaan Nobita yang telah muncul akibat titisan dakwat ajaib bukan sahaja tidak dapat menakutkan gurunya yang sedang tidur, malah menjadi bahan kemarahan gurunya. Di sini juga timbul rasa humor apabila

jelmaan Nobita yang telah dimarahi oleh gurunya itu kembali lalu memarahi Nobita kerana Nobita terlalu lemah hingga gururnya langsung tidak takut kepadanya.

### Ekstrak 57

(41,70:7) Giant: Hantukah ini.

Rajah 4.5 Unsur Mistik “Mata dan Mulut yang Keluar”



Dalam Ekstrak 57 dan Rajah 4.5 pula adalah kisah tentang Giant yang takut akan mata dan mulut misteri yang muncul di rumahnya serta boleh makan dan minum. Tanpa berfikir panjang Giant terus menganggap mata dan mulut tersebut sebagai hantu. Penggunaan perkataan “hantu” sering mendapat perhatian kanak-kanak kerana mereka sering menganggap apa sahaja yang pelik sebagai ada unsur yang menakutkan seperti

hantu atau apa sahaja jelmaan. Dalam unsur mistik ini, kanak-kanak akan membayangkan apa akan jadi pada mereka dalam kehidupan sebenar jika mereka menemui mata dan mulut yang seperti itu.

### c. Unsur Magik

Di kalangan masyarakat Melayu magik dikenali sebagai silap mata. Kanak-kanak akan berasa kagum apabila unsur magik dipersembahkan kepada mereka kerana mereka mudah mempercayai sesuatu yang dilihat dengan mata kasar mereka. Apatah lagi mereka tidak mampu melakukan magik tersebut. Unsur magik ini juga didapati dalam data kajian ini.

#### Ekstrak 58

(40,26:4) Doraemon: Sarung Tangan Penukaran. Cuma sentuhkan sarung tangan itu, dan kau boleh bertukar peranan dengan mudah!

Rajah 4.6 Unsur Magik “Sarung Tangan Penukaran”




Ekstrak 58 dan Rajah 4.6 menunjukkan rupa “Sarung Tangan Penukaran” yang berupaya mengubah fungsi dan tugas seseorang. Sebagai contoh, jika Nobita yang

selama ini tidak rajin memakai sarung tangan tersebut lalu menyentuh sesiapa sahaja yang rajin, maka sikap rajin itu akan beralih kepada Nobita secara tiba-tiba. Keadaan ini dianggap sebagai magik dan akan menimbulkan rasa gembira kepada kanak-kanak terutamanya kanak-kanak yang teringin menjadi pandai tanpa berusaha dengan gigih.

### **Ekstrak 59**

(41,58:7) Doraemon: Ini. Pintu ke Mana Sahaja.

Rajah 4.7 Unsur Magik “Pintu ke Mana Sahaja”



Dalam Ekstrak 59 dan Rajah 4.7 pula, “Pintu ke Mana Sahaja” diperlihatkan sebagai satu kaedah yang dapat memudahkan Doraemon untuk pergi kemana-mana dengan mudah. Perkara ini amat diidamkan oleh kanak-kanak kerana mereka boleh pergi ke mana-mana sahaja dengan mudah. Lebih-lebih lagi secara realitinya tiada sesiapa pun yang boleh pergi ke masa hadapan atau kembali ke masa dahulu. Keadaan ni menjadikan kanak-kanak amat teruja pada buku-buku komik Doraemon dan menjadi rangsangan kepada kanak-kanak untuk terus membaca komik tersebut.

## **Ekstrak 60**

(42,146:1) Doraemon: Mesin menunaikan Keinginan! Keinginan yang bagaimanapun akan dapat ditunaikan secara semulajadi.”

Rajah 4.8 Unsur Magik “Mesin Menunaikan Keinginan”



Seterusnya unsur magik dapat dilihat dalam Ekstrak 60 dan Rajah 4.8 yang mana dengan menggunakan “Mesin Menunaikan Hasrat” seseorang itu akan dapat apa sahaja yang diingininya. Kanak-kanak akan berasa seronok sekiranya mendapat peluang untuk memiliki alatan ini kerana apa sahaja yang diinginkan oleh mereka akan tercapai. Seperti yang kita sedia maklum, keinginan kanak-kanak terlalu banyak sehingga kadang-kala melangkaui realiti kehidupan mereka.

## **Ekstrak 61**

(43,98:6) Doraemon: Alat Kawakan Jauh Manusia. Lekatkan bahagian penerima pada kau. Kau akan dapat siapkan dengan cepat.

Rajah 4.9      Unsur Magik “Alat Kawalan Jauh Manusia”



Dalam Ekstrak 61 dan Rajah 4.9 pula, dengan adanya “Alat Kawalan Jauh Manusia”, pergerakan seseorang dapat dikawal dengan hanya menggunakan alat kawalan jauh. Nobita telah menggunakan alat ini untuk menjadikannya mampu menjawab apa sahaja soalan yang diajukan malah beliau menjadi rajin untuk menyiapkan kerja sekolahnya. Ternyata alat sebegini memberi motivasi dan rangsangan kepada beliau untuk lebih berusaha. Kesan kepada pembaca terutamanya kanak-kanak ialah mereka akan lebih berazam untuk berusaha sekiranya mereka mendapat galakan dan motivasi daripada seseorang. Di sini, bimbingan kedua ibu bapa untuk memberi dorongan kepada anak-anak amat digalakkan untuk dilaksanakan.

## **Ekstrak 62**

- (44,30:4)      Doraemon:      Kedai Apa Sahaja Pada Harga 10 yen dan Kertas Papan Tanda. Tuliskan jenis kedai pada kertas papan tanda... masukkan duit syiling 10 yen.. kuih dorayaki.

Rajah 4.10 Unsur Magik “Kedai Apa Sahaja pada Harga 10 Yen dan Kertas Papan Tanda”



Paling menyeronokkan dalam unsur magik ialah adanya kisah tentang “Kedai Apa Sahaja Pada Harga 10 Yen dan Kertas Papan Tanda”. Dalam Ekstrak 62 dan Rajah 4.10 terdapat gambaran cerita tentang sebuah kedai menjual barang yang seolah-olah kelihatan seperti permainan kanak-kanak. Ini kerana dalam cerita tersebut Nobita dapat membeli apa sahaja yang diperlukan dengan hanya membayar 10 yen. Kedai yang seperti ini menjadi idaman kanak-kanak kerana mereka dapat membeli apa sahaja barang dengan hanya membayar 10 yen. Malah konsep kedai ini seolah-olah menyerupai konsep e-dagang yang mana manusia dapat membeli apa-apa sahaja tanpa perlu pergi ke kedai sebenar dan hanya membelinya melalui internet.

### Ekstrak 63

(45,67:8) Nobita: Kamera Penghasil Pakaian. Masukkan gambar baju panas ke dalamnya...

Rajah 4.11    Unsur Magik “Kamera Penghasil Pakaian”



Unsur magik yang agak menarik juga boleh dilihat dalam Ekstrak 63 dan Rajah 4.11. di mana Nobita boleh menghasilkan apa sahaja pakaian yang diinginkan dengan hanya menggunakan “Kamera Penghasil Pakaian”. Caranya ialah dengan mencari gambar pakaian dalam kamera lalu apabila dipetik kamera tersebut akan mengeluarkan pakaian yang sama seperti di dalam kamera tersebut. Unsur magik ini menarik minat kanak-kanak kerana kanak-kanak memang amat menggemari pakaian baharu yang berbagai-bagai jenis. Implikasi magik ini kepada pembaca ialah mereka akan berasa terdorong untuk belajar dengan rajin agar mampu memperoleh pakaian tersebut apabila mereka dewasa kelak.

#### 4.7.3 Unsur Cerita Lagenda / Sejarah / Mitos

Setiap negara dan bangsa di dunia ini pasti mempunyai sejarah mereka sendiri. Selain itu, dalam negara tersebut pula wujudnya kisah-kisah yang dianggap sebagai lagenda dan mitos. Kisah ini biasanya diperturunkan dari satu generasi ke satu generasi. Contoh kisah lagenda dan mitos yang terkenal ialah *Cinderella*, *Snow White*, *Robin Hood* dan lain-lain lagi. Di Malaysia, mitos yang terkenal ialah kisah *Hang Tuah*. Oleh sebab

kisah *Cinderella* ini adalah bersifat terkenal dan diketahui oleh kebanyakan kanak-kanak, data kajian menunjukkan bahawa watak *Cinderella* juga telah diwujudkan dalam komik Doraemon dengan tujuan untuk menarik minat kanak-kanak membaca komik tersebut.

#### **Ekstrak 64**

(40,47:3) Ibu Nobita: Kau telah lap dengan sungguh bersih. Terima kasih Cinderella.

Rajah 4.12 Unsur Mitos “Cinderella”



Dalam Ekstrak 64 dan Rajah 4.12 menunjukkan mitos *Cinderella* yang begitu masyhur di seluruh dunia. Unsur ini dapat menarik minat kanak-kanak di samping mereka boleh mempelajari sesuatu yang berkaitan dengan pengetahuan sedia ada mereka. Di samping itu, dengan penampilan watak *Cinderella* telah mewujudkan unsur humor dalam cerita tersebut kerana tanpa diduga tiba-tiba sahaja muncul watak ibu Nobita yang berbual dengan *Cinderella*.

#### **Ekstrak 65**

(41,36:1) Doraemon: Dalam tempoh yang lama, tidak diketahui di mana letaknya negeri beraja gemilang yang bernama Yama Taikoku di era Yayoi itu. Adakah betul ianya terletak di kepulauan Kyushu.

Unsur sejarah didapati dalam Ekstrak 65 di mana sebuah negeri di Jepun yang dikenali sebagai Yama Taikoku. Dinyatakan dalam kisah tersebut, digambarkan wujud kekeliruan tentang sama ada benar atau tidak terletaknya negeri Yama Taikoku itu di Yayoi. Mungkin kanak-kanak Malaysia tidak memahami sejarah negara Jepun tetapi kanak-kanak sebenarnya didedahkan tentang keperluan mempelajari sejarah sesebuah negara. Pendedahan kisah sejarah tersebut dapat menggalakkan kanak-kanak meminati sejarah dan seterusnya mereka akan berminat untuk mempelajari sejarah tanah air sendiri.

### **Ekstrak 66**

(44,107:4) Doraemon: Tempat habitat dinosaur zaman dahulu kala.

Rajah 4.13 Unsur Sejarah “Habitat Dinosaur Zaman Dahulu”



Sementara dalam Ekstrak 66 dan Rajah 4.13 pula menggambarkan tempat yang pernah menjadi habitat dinosaur pada zaman dahulu. Kanak-kanak tentu berminat dengan unsur ini kerana mereka kebanyakannya didedahkan dengan cerita dinosour secara

meluas seperti dengan adanya cerita di televisyen seperti rancangan kanak-kanak “Barney” dan filem “Dinosour” itu sendiri.

### Ekstrak 67

(45,99:4) Dekisugi: Pada zaman dahulu, patung puteri itu banyak dihasilkan dalam bentuk kertas.

Rajah 4.14 Unsur Sejarah “Patung Puteri”



Dalam Ekstrak 67 dan Rajah 4.14 pula menunjukkan sejarah tentang permainan anak patung yang asalnya adalah permainan patung puteri daripada kertas. Di Jepun memang wujud permainan anak patung ini yang mana ianya digerakkan oleh orang yang memegang kayu di bawah tempat patung diletakkan. Walaupun permainan anak patung sering dikaitkan dengan kanak-kanak perempuan tetapi unsur ini juga telah menggalakkan kanak-kanak lelaki meminati kisah tersebut kerana ianya adalah sebuah permainan. Kanak-kanak sama ada lelaki atau perempuan amat meminti sebarang

permainan kerana sikap mereka yang ingin mencuba dan bermain. Oleh itu, unsur permainan ini juga menjadi satu tarikan kepada kanak-kanak untuk membaca komik Doraemon.

#### **4.7.4 Pengembaraan Masa Hadapan**

Pengembaraan masa hadapan juga merupakan satu unsur cerita yang juga amat diminati oleh kanak-kanak kerana biasanya dalam kisah pengembaraan masa hadapan akan diselitkan juga unsur misteri yang kebiasaannya juga adalah sesuatu yang tidak logik. Kanak-kanak lazimnya meminati cerita yang mempunyai gabungan antara kisah pengembaraan dengan kisah misteri.

#### **Ekstrak 67**

(40,189:3)      Doraemon:    Setiap hari perlu berusaha keras, kehidupan **masa hadapan** akan berubah!

Ekstrak 67 menunjukkan satu kisah tentang kehidupan masa hadapan yang akan dihadapi dengan mudah dan bahagia sekiranya usaha keras untuk mencapai kejayaan dilakukan dengan bersungguh-sungguh. Dalam hal ini, usaha keras amat digalakkan untuk dicontohi oleh kanak-kanak.

#### **Ekstrak 68**

(41,35:1)      Doraemon :    Sampai juga akhirnya! Pada **tahun 2093**, kapal angkasa Phigur 2 yang membawa beberapa orang angkasawan manusia!! Mereka sampai ke satu planet yang jauh dari sistem suria!!

Dalam Ekstrak 68 pula, terdapat kisah Nobita dan Doraemon yang menjelajah pada tahun 2093, sedangkan tahun tersebut adalah terlalu jauh untuk dikejar pada manusia yang hidup pada tahun 1990. Tahun 1990 adalah tahun buku komik Doraemon ini diterbitkan. Di sini, jelas pengarang mempunyai pemikiran yang jauh ke hadapan bagi menjadikan kanak-kanak merasa gembira ketika membaca buku komik Doraemon.

### **Ekstrak 69**

(42,154:4)      Doraemon:    Aku pergi ke pasaraya **abad ke-22** untuk mengambil ini.

Selain itu dalam Ekstrak 69 pula, Doraemon dilihat baru pulang dari pasar raya pada abad ke-22. Kanak-kanak yang sedang membaca komik Doraemon pada masa sekarang ini pasti sedang menghayalkan gambaran rupa pasar raya pada abad tersebut yang mana mungkin pasar raya dipenuhi dengan unsur teknologi moden. Ini kerana gambaran pasar raya dalam buku komik Doraemon tidak ditunjukkan tetapi kewujudannya hanya boleh didapati dalam perbualan Doraemon. Gambaran ini juga menunjukkan bahawa kanak-kanak didedahkan kepada pelajaran untuk menggunakan fikiran yang kreatif bagi memikirkan apakah barang atau pasar raya pada masa hadapan.

### **Ekstrak 70**

(45,63:4)      Doraemon:    Yang bukan-bukan jadinya kalau biarkan kau menggunakan sesuka hati alat-alat dari **masa hadapan!** Sebelum ini pun sudah banyak kali berlaku yang bukan-bukan!!  
(Doraemon sedang memarahi Nobita)

Dalam Ekstrak 70 pula, menggambarkan Doraemon memarahi Nobita yang sesuka hati menggunakan alat-alat masa hadapan milik Doraemon dengan tidak berhati-hati. Doraemon menasihati Nobita supaya tidak lagi bermain dengan alat-alat masa hadapan tersebut. Oleh itu bagi kanak-kanak yang sedang membaca komik Doraemon ini tentu turut berasa teringin untuk bermain dan mempunyai alat pengembaraan yang berbagai-bagai jenis itu.

#### 4.7.5 Unsur Humor

Terdapat unsur humor dalam data yang dikaji seperti yang paparkan dalam Ekstrak 71 hingga 80.

#### Ekstrak 71

- (42,67:1) Cikgu: Sekarang cikgu pulangkan kertas ujian tempoh hari yang sudah cikgu tanda!
- (42,67:2) Nobita: Yahoo!! Doraemon! Raikan kejayaan aku! Ini adalah markah kertas ujian baru-baru ini...
- (42,67:4) Doraemon: Dapat markah berapa?
- (42,67:6) Nobita: **Kosong!**
- (42,67:6) Doaremon: Kosong!? Rekod barukah!?
- (42,67:7) Nobita: Ingat tak dulu dalam 5 kali ujian, sekali pasti aku mendapat markah kosong? Dan tahun ini, aku telah mendapat markah bukan kosong dalam 9 kali ujian yang berturutan! Markah yang aku perolehi dalam setiap 9 ujian itu, tak lah banyak sangat, tapi ujian kali yang kesepuluh baru aku dapat markah kosong.
- (42,67:9) Doraemon: Oh begitu... kemajuan pelajaran yang boleh dikatakan agak besar.

Walaupun bahasa yang digunakan tidak menggunakan istilah yang boleh dianggap humor tetapi kandungan cerita dalam dialog itu yang menjadikan ia kelihatan mempunyai humor. Ekstrak 71 menceritakan tentang kegembiraan Nobita yang mendapat markah **kosong** setelah menduduki ujian sebanyak 9 kali. Unsur humor ialah di mana Nobita masih gembira walaupun memperoleh markah kosong.

### **Ekstrak 72**

- (40,188:2) Shizuka: Dekisugi suka memasak.  
(40,188:2) Dekisugi: Silalah makan, kalau sedap bagi tau kawan-kawan, kalau tak sedap bagi tau aku, he he.

Dalam Ekstrak 72 pula menunjukkan Dekisugi walaupun seorang budak lelaki tetapi dia suka memasak. Unsur humor dapat dilihat apabila walaupun beliau suka memasak, namun masakannya tidak semestinya sedap. Dekisugi menyatakan ungkapan yang serupa seperti iklan restoran Pak Tam di televisyen iaitu “kalau sedap bagi tau kawan-kawan, kalau tak sedap bagi tau aku”. Kanak-kanak yang biasa melihat iklan tersebut akan dapat merasa nikmat humor dalam komik tersebut.

### **Ekstrak 73**

- (41,97:4) Giant: Persembahan aku kali ini bertemakan kesedihan. Silalah menangis kalau kau rasa ianya menyentuh hati!  
(41,97:5) Giant: Jauh di sudut hati ini... umpama pungguk rindukan bulan... perasaan seorang anak rindukan ibunya... Terngiang-ngiang pesanan ibu..  
(41,97:6) Suneo: (sedih dan menangis)  
(41,97:8) Giant: Meh meh meh ... lal la la... Kuang kuang kuang....

(41,97:9) Giant: Yang aku persembahkan bukan bertemakan lucu lah! Kenapa tergelak!

Dalam Ekstrak 73 terdapat dialog Giant yang dianggap humor iaitu “Silalah menangis kalau kau rasa ianya menyentuh hati!”. Seterusnya unsur humor ialah pada nyanyian Giant yang menyebabkan dirinya menangis walaupun dia dikenali sebagai budak yang ganas dan garang. Suasana humor timbul kerana lirik lagu itu tidaklah menunjukkan perasaan yang terlalu sedih. Selain itu bahagian yang paling kelakar ialah apabila ada dialog “kuang, kuang, kuang”. Istilah ini selalu diucapkan oleh artis Aznil Nawawi dalam rancangan Melodi suatu ketika dahulu dan juga di Astro. Ini menjadikan dialog itu adalah berunsur jenaka kerana perkataan tersebut dianggap tidak masuk akal kerana diujarkan tanpa keperluan. Yang terakhir pula tentang Giant yang marah kerana orang-orang ketawa sedangkan dia berasa sedang menyanyikan lagu berunsur sedih. Adegan ini juga melahirkan unsur humor kepada pembaca.

#### **Ekstrak 74**

(42,54:8) Nobita: Cikgu..

(42,54:9) Cikgu: Nobita! Maafkan cikgu! Kerana kurang mengambil berat pelajar yang mendapat keputusan teruk seperti kau selam ini... Mulai sekarang cikgu mahu jadi guru peribadi kau. Mari ikut cikgu balik rumah untuk belajar!

(42,55:5) Suneo: Nobita? Dia telah ditangkap oleh cikgu.

(42,55:6) Nobita: Perut aku sudah lapar! Aku hendak balik rumah aku sendiri!

(42,55:6) Cikgu: Teruskan berusaha! Kenapa soalan sebegini mudah pun kau tak dapat selesaikan!

Dalam Ekstrak 74 menggambarkan Nobita telah ditangkap oleh gurunya sendiri untuk diajar oleh gurunya itu agar menjadi orang yang berguna. Keadaan ini berlaku apabila “Gas Barang Peribadi” Doraemon telah tersebur secara tidak sengaja oleh Nobita kepada gurunya. Lantaran itu, gurunya berubah sikap menjadi amat mengambil berat akan Nobita. Di sini muncul adegan lucu kerana Nobita telah dipaksa untuk belajar tanpa henti sehingga Nobita berasa terlalu lapar.

### **Ekstrak 75**

- (42,178:3) Cikgu: Cikgu sudah banyak berikan kerja sekolah. Kau mesti sudah siapkan kerana sibuk merayau-rayau ini kan.
- (42,178:4) Cikgu: Apa! Belum!? **Pott pett pott pott.**

Dalam Ekstrak 75, unsur humor ialah pada perkataan **pott pett pott pott**. Ungkapan ini selalu diungkapkan oleh lelaki dan wanita bagi menggambarkan sikap seseorang yang banyak bercakap. Ujaran tersebut juga dianggap sebagai sesuatu yang tidak masuk akal kerana dialog seterusnya dipendekkan dan digantikan dengan **pott pett pott pott**.

### **Ekstrak 76**

- (43,25:1) Suneo: Lambatnya, Nobita itu memang **lembam** dalam membuat sesuatu lah!

Dalam Ekstrak 76 ini pula perkataan **lembam** menjadi perkataan yang humor. Walaupun ia adalah perkataan yang agak kasar kerana melambangkan orang yang tidak mempunyai kewarasan yang cukup, ia selalu dikaitkan dengan orang yang tidak pandai membaca, menulis atau tidak mempunyai akal yang betul-betul sihat. Unsur humor

bagi perkataan lembam adalah sedikit kasar tetapi ia biasa digunakan di sekolah-sekolah bagi merujuk kanak-kanak yang lemah dalam menerima pelajaran.

### **Ekstrak 77**

(43,91:2)      Giant:      Kita kan sudah lama berkawan baik. Barang Suneo adalah barang aku. Dan barang aku adalah barang aku sendiri!

Unsur humor dalam Ekstrak 77 didapati pada ujaran Giant yang mengatakan bahawa barang Suneo ialah barang dia dan barang dia sendiri tetap menjadi miliknya juga. Keadaan ini sebenarnya melambangkan orang yang mempunyai sikap yang begitu rapat dengan orang disebutnya. Unsur ini adalah unsur humor kerana belum tentu Suneo akan bersetuju dengan kenyataan Giant yang beranggapan demikian.

### **Ekstrak 78**

(43,146:6)      Nobita:      Teruknya, nasib anjing rupa-rupanya adalah nasib malang terpijak najis anjing!!

(43,146:6)      Shizuka:      Hei, jangan datang dekat sini lah!!

Ekstrak 78 memaparkan nasib malang Nobita yang terpijak najis anjing. Kanak-kanak lazimnya akan ketawa dan berasa geli hati apabila melihat rakan mereka yang mengalami situasi yang memalukan seperti itu. Selain itu dalam Ekstrak 78 nombor 2 pula berkenaan Shizuka yang tidak tahan dengan bau busuk Nobita yang terpijak tahi anjing. Terpijak tahi anjing adalah sesuatu yang boleh menjadi bahan ketawa bagi kanak-kanak.

### **Ekstrak 79**

- (44,69:3) Suneo: Itu diari aku!
- (44,69:4) Giant: Biar aku tengok.
- (44,69:6) Diari Suneo: Dia (Giant) telah datang memakan kek orang lain, mengunyah dengan kuat, memang tak tahu malu. Bukan itu sahaja, dia mengorek tahi hidungnya secara senyap-senyap...

### **Ekstrak 80**

Arahan cara-cara membuat peluru berpandu di rumah:

- (44,88:8) Peluru berpandu hendaklah diisikan berdasarkan sasaran yang hendak kita serang. Misalnya lada hitam, air longkang, sisa pemadam getah atau sisa tahi hidung...

Keadaan yang serupa juga dapat dilihat dalam Ekstrak 79 dan 80 di mana terdapat perlakuan menyentuh tahi hidung yang sememangnya amat menjijikkan. Dalam Ekstrak 79, unsur humor ialah pada perkataan "...dia mengorek tahi hidungnya secara senyap-senyap." Sementara Ekstrak 80, unsur humornya ialah pada perkataan "tahi hidung". Walaupun unsur humor ini agak kotor dengan menggunakan perkataan yang tidak baik tetapi ia tidaklah terlalu sensitif kepada seluruh masyarakat Malaysia.

Unsur humor penting dalam buku komik ini bagi menjamin minat dan tumpuan kanak-kanak terarah kepada bahan bacaan komik Doraemon ini. Tambahan pula, tanpa unsur humor, sukar bagi kanak-kanak menaruh minat terhadap sesuatu bahan bacaan. Ini kerana kanak-kanak lebih cenderung membaca buku komik yang menggunakan bahasa yang mudah difahami serta mempunyai unsur humor yang dapat menarik perhatian mereka dan sekaligus menghiburkan kanak-kanak yang membaca buku komik.

#### **4.7.6 Nilai-nilai Positif**

Nilai-nilai positif ialah nilai yang baik untuk diamalkan oleh masyarakat. Dalam analisis kajian komik Doraemon kebanyakan nilai positif yang banyak dipaparkan adalah ditujukan kepada kanak-kanak. Kepentingan nilai-nilai positif ini ialah akan menjadikan seseorang kanak-kanak itu mengharungi kehidupan dengan lebih baik selepas mereka memahami nilai-nilai positif tersebut.

#### **Ekstrak 81**

(40,152:8)      Doraemon:      Oh! Akhirnya tiba harinya mendapat manfaat daripada **sikap menabung!**

#### **Ekstrak 82**

(41,84:7)      Ayah Nobita: Manusia yang baik adalah manusia yang berbudi pada tanah. Iaitu **rajin bercucuk tanam.**

Dialog dalam Ekstrak 81, menggambarkan kepentingan menabung terhadap kanak-kanak. Ini dianggap sebagai positif kerana dengan menabung, manusia dapat berjimat cermat. Seterusnya dalam Ekstrak 82 pula, terdapat unsur positif tentang pentingnya berbudi kepada tanah. Maksud berbudi pada tanah ialah mengusahakan tanah agar tidak membazir atau menjadi tanah terbiar. Selain itu, apabila tanah diusahakan dengan menanam sayur-sayuran misalnya, hasil daripada usaha tersebut akan membawa rezeki yang halal kepada pengusaha tanah tersebut.

#### **Ekstrak 83**

(42,169:4)      Doraemon:      Mereka berdua **rajin** dan bersungguh-sungguh, mestilah mereka akan menyiapkan kerja sekolah terlebih dahulu.

### **Ekstrak 84**

(43,171:4) Ayah Nobita: Oleh itu! Aku akan biarkan kau membuat keputusan berdasarkan **minat** dan impian kau sendiri.

### **Ekstrak 85**

(45,123:6) Doraemon: Akhirnya kau insaf juga. Jadi selepas ini kau akan bersungguh-sungguh dalam belajar dan bersukanlah ya.

Ekstrak 83 pula ialah tentang perlunya bersikap rajin agar kita memperoleh kejayaan pada masa hadapan. Hal ini dianggap positif kerana kanak-kanak akan mempelajari bahawa seseorang itu harus berusaha dengan gigih sekiranya ingin berjaya. Bagi Ekstrak 84 pula, iaitu pengajaran kepada ibu bapa agar tidak terlalu mengongkong anak-anak dengan memberi sedikit kebebasan kepada anak-anak untuk membuat keputusan berdasarkan minat mereka. Penekanan harus diberikan berdasarkan minat dan kecenderungan seseorang kanak-kanak untuk mencapi impian dan cita-cita. Ini jelas didapati daripada ungkapan ayah Nobita yang mempunyai kaitan dengan Nobita yang tidak suka akan pelajaran lukisan serta mempunyai cita-citanya sendiri yang tidak diketahui oleh bapanya. Dalam Ekstrak 85 pula, kanak-kanak akan mendapati bahawa sekiranya mereka telah melakukan kesalahan atau mempunyai perasaan malas serta gagal dalam sesuatu perkara, mereka akan menyesal dan menginsafi akan kesalahan tersebut. Kesedaran sedemikian menjadikan mereka lebih bersemangat untuk bekerja keras bagi mencapai kejayaan.

#### **4.7.7 Isu Gender dalam Buku Komik Doraemon**

Dalam kajian gender ini, beberapa watak terlibat dalam mencetuskan isu gender sesama mereka. Antara watak tersebut ialah Shizuka, Doraemon, Ibu Nobita, ayah Nobita, Giant, Dekisugi, dan Nobita. Pertembungan antara isu gender lelaki dengan perempuan yang dibawakan oleh watak-watak tersebut menjadi satu tarikan kepada kanak-kanak yang seterusnya dapat dijadikan suatu ilmu yang berguna kepada mereka untuk menhadapi masa hadapan. Kebetulan kanak-kanak biasanya adalah kurang memahami ilmu psikologi dan biologi antara lelaki dan perempuan. Mereka sudah tentu amat meminati bahan cerita berbentuk gender ini sebagai satu hiburan dan pembelajaran yang berfaedah untuk mereka.

#### **Ekstrak 87**

(40,134:1)      Shizuka :      Aku berasa kurang bertuahlah dilahirkan sebagai seorang perempuan..

#### **Ekstrak 88**

(43,105:3)      Ibu Nobita:      Ke manalah perginya si Nobita itu.

(43,105:5)      Doraemon :      Mak kau (Nobita) kelihatan sungguh berang. Habislah kau dimarahi, mahu sejam kau dileterinya nanti.

#### **Ekstrak 89**

(42,24:3)      Ibu Nobita :      Apa semua ini ? Tahu menyerak sahaja anak aku ...

Terdapat isu gender tentang wanita dalam Ekstrak 87 hingga 89. Antaranya menceritakan tentang sikap wanita yang cerewet, pendiam, tidak berani meluah isi hati, cemburu dan cepat marah. Misalnya, dalam Ekstrak 87, Shizuka menganggap bahawa

dirinya kurang bertuah kerana dilahirkan sebagai seorang perempuan. Tambahan pula sikap Shizuka yang memang menggemari aktiviti lasak sepetimana lelaki yang suka aktiviti sedemikian seperti bermain bola dan memanjat pokok. Selain itu gambaran watak perempuan yang kuat berleter terdapat dalam Ekstrak 90 dan 91, iaitu pada Ekstrak 90 menceritakan tentang ibu Nobita yang akan memarahi Nobita selama satu jam akibat Nobita yang tidak pulang ke rumah. Sementara dalam Ekstrak 91 pula ialah tentang ibu Nobita yang berleter kerana Nobita menyepahkan barang di rumah. Ekstrak 92 pula turut memaparkan sikap lelaki pada zaman ini yang turut menjalankan tugas menguruskan rumah tangga seperti memasak kerana ramai perempuan yang turut bekerja membantu suami.

### **Ekstrak 90**

- (42,136:5)      Shizuka :      Pokok inilah yang menjadi impian aku semenjak kecil untuk dipanjang! Kini aku boleh menjadikan impian itu suatu kenyataan.
- (42,137:2)      Nobita :      Aku amat suka bermain dengan budak-budak perempuan.

### **Ekstrak 91**

- (42,78:1)      Ayah Nobita: Maknya, jumpa tak benda itu?
- (42,78:1)      Ibu Nobita: Tunggu sebentar ya (sedang bercakap di telefon). Apa benda itu?
- (42,78:2)      Ayah Nobita : Alah, yang itulah! Benda yang bentuknya begini...
- (42,78:3)      Ibu Nobita : Tak fahamlah aku benda apa yang abang sedang cari!
- (42,78:4)      Ayah Nobita : Kau sepaptutnya faham, kita kan sudah lama hidup bersama.

## **Ekstrak 92**

(44,21:7) Nobita : Aku berasa amat marah! Dan cuba melepaskan Kemarahan dengan melontar barang.

## **Ekstrak 93**

(40,188:6) Dekisugi : Jangan rasa pelik. Pada masa akan datang, kaum perempuan kebanyakannya sibuk bekerja di luar. Lagi pun kita tak boleh kata, tugas menguruskan rumah tangga adalah satu-satunya tugas perempuan!

Dalam Ekstrak 90 hingga 93 ialah tentang isu lelaki seperti suka marah dengan melemparkan barang, cepat panas baran, mudah dipujuk dan kasar. Begitupun, terdapat unsur yang berlawanan antara watak lelaki dengan wanita. Antaranya ialah Shizuka sebagai seorang kanak-kanak perempuan digambarkan sebagai seorang yang suka memanjat pokok seperti lelaki. Manakala Nobita pula sebagai lelaki suka bermain dengan kanak-kanak perempuan. Hal ini boleh dilihat dalam Ekstrak 90. Munculnya watak Nobita yang lembut tidak bermakna lelaki sepatutnya lembut, tetapi membawa mesej lelaki harus menjadi kuat dan jangan menjadi seperti Nobita yang lemah dan selalu menjadi mangsa buli. Malah Nobita juga dianggap sebagai seorang yang tidak bijak dan asyik mementingkan masa mainnya berbanding masa belajar.

Sementara dalam Ekstrak 91 pula ayah Nobita menegur ibunya kerana tidak dapat membantunya mendapatkan barang yang sedang dicarinya. Di sini juga menunjukkan bahawa wanita memainkan peranan yang penting dalam hubungan suami isteri di mana isteri dipertanggungjawabkan untuk membantu suami dalam menjaga dan mengurus harta keluarganya. Dalam Ekstrak 92 memperlihatkan watak Nobita sebagai lelaki yang panas baran kerana beliau cuba melepaskan kemarahan dengan melontarkan barang

di rumah. Sikap seperti ini memang terdapat dalam kebanyakan lelaki. Di samping itu, dalam Ekstrak 93 pula memaparkan peranan lelaki yang perlu membantu wanita dalam menguruskan hal ehwal rumah tangga kerana kaum wanita sekarang ini turut membantu suami mencari rezeki.

Unsur humor turut ditonjolkan dalam cerita-cerita tentang isu lelaki dan perempuan ini. Unsur humor ini dimiliki oleh watak-watak tertentu. Sebagai contoh, Nobita ialah seorang kanak-kanak lelaki yang mempunyai keinginan bermain seperti kanak-kanak perempuan. Sementara Shizuka pula, walaupun dia adalah seorang kanak-kanak perempuan tetapi mempunyai keinginan seperti kanak-kanak lelaki. Ini kerana Shizuka telah memendam keinginan sejak sekian lama untuk memanjat pokok. Sifat ingin memanjat pokok banyak dikaitkan dengan lelaki sahaja. Kisah ini boleh menimbulkan kecindan kerana umumnya lelaki adalah dianggap kuat sementara wanita pula dianggap lemah lembut. Keadaan ini jelas berbeza dengan perwatakan yang dibawa oleh Nobita dan Shizuka.

Unsur humor yang lain yang berkaitan dengan gender ialah watak Giant yang walaupun mempunyai sikap lelaki yang kasar tetapi kadang-kala turut mempunyai sifat wanita seperti menangis. Apabila kanak-kanak lelaki yang suka membuli dan kasar ini menangis, ia menimbulkan rasa kecindan ataupun humor kepada pembaca. Oleh itu, humor sekali lagi menjadi unsur penting sebagai tarikan untuk kanak-kanak membaca komik Doraemon ini.

Seterusnya Bab 5 pula, akan menjelaskan kesan-kesan dan pengaruh positif hasil pembacaan komik Doraemon berdasarkan analisis kajian dalam Bab 4 ini.